

MEDIA RELEASE

24 Februari 2018

UNTUK SIARAN SEGERA

BUKU PANDUAN KEIBUBAPAAN SIBER BANTU IBU BAPA MENDALAMI KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN SIBER

KUALA LUMPUR (24 FEBRUARI 2018) – Dunia dalam talian telah menjadi sebahagian daripada kehidupan komuniti digital masa kini. Ia menyediakan pelbagai peluang sama ada untuk belajar, berhibur, bermain dan berinteraksi seterusnya menyumbang kepada kemahiran intelektual dan sosial. Dengan evolusi teknologi, dunia dalam talian kini boleh diakses dari mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa melalui komputer, telefon bimbit, dan peranti-peranti elektronik yang lain.

Sempena sambutan Hari Keselamatan Internet atau *Safer Internet Day* (SID) 2018 Edisi Malaysia, sebuah buku bertajuk ‘Panduan Keibubapaan Siber’ diterbitkan khusus bagi menyampaikan mesej dan informasi mengenai kaedah serta tatacara pengasuhan dan pendidikan anak-anak di alam siber. Buku tersebut mengandungi maklumat serta infografik yang boleh dijadikan rujukan oleh ibu bapa dan penjaga untuk mengawal selia aktiviti anak-anak di dalam talian mengikut kumpulan umur (prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah).

Menurut Dato’ Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia “Kajian Asas Nasional Tahap Kesedaran Keselamatan Siber mendapati bahawa lebih daripada 80% kanak-kanak di Malaysia menggunakan Internet pada tahap paling kerap di rumah, berbanding di sekolah dan di tempat lain. Itulah sebabnya keibubapaan siber memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku dan etiket dalam talian bagi kanak-kanak.”

“Pendidikan merupakan asas kepada pembentukan generasi berilmu. Kanak-kanak memerlukan bimbingan dan pengawasan ibu bapa/penjaga bagi membantu mereka mendapatkan manfaat daripada dunia siber dan pada masa yang sama, kekal selamat dan



Securing Our Cyberspace



Best Brand
Internet Security
2008 & 2009



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: AR 4098

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



STANDARDS
ACREDITED
LABORATORY

MS IRIBEC 17025

TESTING

SAMM NO. 456

(WATER LABORATORY)



MSC
MALAYSIA
Status Company



Best Credit
Online
Payment
Method

T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my

bertanggungjawab. Buku ini disediakan untuk membantu ibu bapa/penjaga mendalami kemahiran keibubapaan siber di dalam dunia digital masa kini. Dengan adanya buku ini, kami berharap ia dapat membantu ibu bapa dan penjaga melibatkan diri dalam kehidupan anak-anak di dunia siber.” tegas beliau lagi.

Buku ini juga turut memaparkan maklumat dari kajian Impak Ancaman Kesihatan Siber di Kalangan Remaja yang dijalankan oleh sekumpulan pakar-pakar pelbagai disiplin kanak-kanak Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan juga pakar Kriminologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ia menerangkan kesan ketagihan Internet ke atas kesihatan fizikal seperti kesan pada mata, tengkuk, kecukupan tidur, gangguan pembelajaran, kesihatan mental dan psikososial remaja termasuk perlakuan buli siber dan dinamik keluarga di rumah.

Joachim Rajaram, Ketua Hal Ehwal Korporat Digi Telecommunications Sdn Bhd berkata, “Digi telah mula memperjuangkan hak kanak-kanak untuk melayari Internet dengan selamat lebih dari 5 tahun yang lalu dan kami mendapati di samping mendidik mereka, perlu juga untuk mewujudkan kesedaran mengenai peri pentingnya mengenai masalah ini dalam kalangan ibu bapa dan penjaga. Oleh itu, kami amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan CyberSecurity Malaysia dalam usaha menghasilkan buku ‘Panduan Keibubapaan Siber’ ini. Kami berharap buku ini boleh dimanfaatkan oleh ibu bapa dan penjaga sama ada untuk mengenali pelbagai risiko siber masa kini, dan memperkasakan mereka dalam memantau aktiviti internet anak-anak, serta memupuk nilai kewarganegaraan digital sekeluarga.”

Pelancaran buku tersebut telah disempurnakan oleh YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Isteri kepada YAB Perdana Menteri Malaysia merangkap Penaung Program PERMATA pada Majlis Perasmian Penutupan Sambutan Safer Internet Day 2018 Edisi Malaysia.

Buku Panduan Keibubapaan Siber diterbitkan oleh CyberSecurity Malaysia dengan sokongan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) serta kerjasama Digi Telecommunications Sdn Bhd. Orang ramai boleh memuat turun Buku Panduan Keibubapaan Siber melalui laman sesawang CyberSAFE di www.cybersafe.my.

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, hubungi media@cybersecurity.my atau +603-89926888.

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) dan Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945).